# MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA MENGKAJI SEMULA SURAT ARAHAN JABATAN

Lanjutan keputusan Mesyuarat Pengarah-Pengarah JKR Malaysia Bil 3/2016, satu (1) Jawatankuasa Kerja di Peringkat Ibu Pejabat JKR telah diwujudkan bagi mengkaji semula Surat Arahan Jabatan semasa yang berkuatkuasa bagi memastikan ianya masih relevan dan mengambil kira proses kerja yang ditambahbaik.

Unit Pematuhan, Bahagian Integriti selaku Urus setia telah menguruskan tiga (3) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Mengkaji Semula Surat Arahan Jabatan iaitu Bil 1/2017, Bil 2/2017 dan Bil 3/2017 yang diadakan pada 7 Februari 2017, 13 Jun 2017 dan 2 November 2017. Terdapat 270 bilangan surat-surat arahan KPKR di dalam web Pekeliling dan Surat Arahan KPKR sehingga Oktober 2017. Mesyuarat Bil 3/2017 melaporkan bahawa sebanyak 75.60% atau 124 buah surat-surat arahan yang telah dikaji semula dan kajian akan disambung oleh jawatankuasa dengan tarikh sasaran sehingga Jun 2018.

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA MENGKAJI SEMULA SURAT ARAHAN JABATAN





| Tajuk | Rujukan Surat | Tarikh Surat | Status | Papar Fail |
|---|---|---|---|---|
| Piagam Pelanggan JKR Malaysia | SA KPKR Bil. 37/2017 | 27-12-2017 | Aktif | Buka fail |
| Garis Panduan Pelaksanaan Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) Dalam Perolehan Kerajaan (Nota: Rujuk download link untuk Garis Panduan di muka surat 3 surat ini) | SA KPKR Bil. 36/2017 (CKUB) | 26-12-2017 | Aktif | Buka fail |
| Arahan Penggunaan "Arahan Teknik (Jalan) ATJ 2C/85 (Pindaan 2017) Manual On Traffic Control Devices: Temporary Signs And Work Zones Control" | SA KPKR Bil. 35/2017 (CJ) | 26-12-2017 | Aktif | Buka fail |
| Penetapan Tarikh Milik Tapak | SA KPKR Bil. 34/2017 | 12-12-2017 | Aktif | Buka fail |
| Laporan Kemajuan Prestasi Fizikal Projek-projek Pembangunan Berasaskan Program Kerja | SA KPKR Bil. 33/2017 | 11-12-2017 | Aktif | Buka fail |

# PENAMBAHBAIKAN LAMAN WEB PEKELILING DAN ARAHAN KPKR

Urus setia Jawatankuasa Kerja Mengkaji Semula Surat Arahan Jabatan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, CDPK telah membuat penambahbaikan kepada laman web Pekeliling dan Arahan KPKR yang lebih mesra pengguna. Laman web berkenaan telah dilancarkan pada 12 Januari 2018.